

Perluas kefahaman rakyat manfaat tenaga boleh diperbaharu

Berita Harian (Kamuter) 24/6/25

Oleh Dr Zarith Sofia Aclan
bhrencana@bh.com.my



Penyarah Fakulti
Pengurusan
Industri, Universiti
Malaysia Pahang

Pada Mei lalu, kita digemparkan dengan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkenaan peningkatan kos elektrik serta pemansuhan subsidi caj tarif elektrik bagi penggunaan berlebihan. Ini menyebabkan rakyat perlu mencari sumber tenaga alternatif supaya dapat mengurangkan beban kewangan menanggung kos utiliti.

Tenaga boleh baharu (TBB) adalah pilihan sumber tenaga alternatif terbaik bagi mengurangkan kos penggunaan elektrik pengguna. Ini sekali gus dapat mengurangkan

keberganungan kepada penjanaan elektrik menggunakan bahan api fosil.

TBB bukan sesuatu perkara baharu di Malaysia. Malah, inisiatif kepada pembangunan TBB ini diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kelima (RMK5). Ia diiktiraf sebagai sumber bahan api kelima selain petroleum, gas asli, hidroelektrik dan arang batu.

Sejak itu, kerajaan melalui agensi seperti Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) mengambil usaha berterusan menetapkan sasaran kapasiti penjanaan TBB. SEDA juga memperkenalkan pelbagai program memastikan keselamatan

dan kemampunan tenaga, penggunaan dan peruntukan sumber berkesan, pemeliharaan alam sekitar serta penyampaian perkhidmatan berkualiti tinggi kepada semua pihak berkepentingan.

Dasar pembangunan TBB juga mengalami perubahan sejak mula diperkenalkan. Pada 2022, SEDA melancarkan Hala tuju Tenaga Boleh Diperbaharu Malaysia (MyRER) dengan matlamat menambah kapasiti penjanaan TBB, menilai potensi sumbernya dan membangunkan pelan hala tuju strategik.

Empat sumber utama TBB

MyRER juga bertujuan membantu negara mencapai sasaran penjanaan TBB sebanyak 31 peratus menjelang 2035 seperti ditetapkan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli Malaysia (KeTSA).

Menekuni Dasar TBB Kebangsaan hingga kini hanya empat sumber utama TBB menjadi keutamaan dalam penjanaan elektrik di Malaysia iaitu biojisim, biogas, hidroelektrik berskala kecil dan fotovoltaik solar.

Namun, penjanaan elektrik daripada sumber tenaga fotovoltaik solar menyumbang keseluruhan kepada 47 peratus output kuasa sambungan grid di Malaysia pada suku pertama 2023.

Ini selaras hasil laporan daripada Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), pada masa hadapan fotovoltaik solar dijangka menjana lebih banyak tenaga elektrik berbanding sumber TBB.

Selain itu, pelaksanaan program TBB seperti Pemetaan Tenaga Bersih (NEM), Tarif Galakan (FIT), Solar Berskala Besar (LSS), kegunaan sendiri (SELCO) serta insentif seperti Skim Pembiayaan Teknologi Hijau 2.0 (GTFS 2) membantu perkembangan industri TBB, sekali gus membuktikan kerajaan komited menyediakan platform baik dan mendorong pelaksanaan pantas projek TBB di Malaysia. Ini membuktikan Malaysia mampu menyediakan sumber alternatif dalam penjanaan elektrik.

Sementara itu, pada bulan lalu juga, Kabinet turut bersetuju meningkatkan kapasiti penjanaan TBB sehingga 70 peratus menjelang 2050 menerusi hala tuju pembangunan TBB.

Dasar pemerdagangan TBB merentas sempadan akan diperkenalkan dan dijangka memanfaatkan industri TBB untuk membina kapasiti penjanaan pada skala lebih besar. Ini menunjukkan Malaysia mampu memaksimumkan penggunaan solar dalam komuniti dan sekali gus mengurangkan kos elektrik dalam jangka masa panjang.

Persoalannya kini, apakah kita bersedia menggunakan sumber alternatif ini. Adakah kerajaan serta agensi berkaitan sudah mengambil kira risiko dari segi pelaksanaan, bajet dan masa bakal dihadapi. Dalam hal ini, kerajaan serta agensi terbabit perlu melaksanakan pendedahan kepentingan sumber alternatif ini, terutama kepada masyarakat.